



كمنتريِن سومبرِ اوتام دان قلنچوَعن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KENYATAAN AKHBAR DAN MEDIA

MAJLIS MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1439H/ 2018M

21 Ramadhan 1439 /06 Jun 2018

Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada pagi tadi telah mengadakan Majlis memperingati Nuzul Al-Quran dan penyampaian derma anak-anak yatim Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masehi, bertempat di Dewan Setia Pahlawan , Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Yang Mulia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap; Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan ceramah khas yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr Andas Ismuhadi bin Haji Abdullah, penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah dengan tajuk ceramah 'Sejarah Peristiwa Nuzul Al-Quran dan Pengertiannya ke atas Ummah'.

Seterusnya adalah penyampaian derma kepada anak-anak yatim seramai 51 orang yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Awang Hj Azrol Alim bin Hj Zaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Pintu Malim.

Majlis seumpama ini merupakan aktiviti KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang diadakan setiap bulan Ramadhan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang mubarak di samping mendapatkan ganjaran pahala serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

-TAMAT-

Tarikh: 06 Jun 2018

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam